

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
(LIBARAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.10.2016**

**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan prestasi pengurusan ekonomi negara cekap dan berhemat walaupun negara hilang lebih RM30 bilion pendapatan akibat kejatuhan harga minyak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Keadaan persekitaran luar yang tidak menentu seperti pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dalam kalangan negara maju, ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa dan harga minyak yang rendah boleh memberi kesan kepada aliran perdagangan dunia dan pergerakan modal antarabangsa. Walau bagaimanapun,

perkembangan luar ini tidak menjejaskan ekonomi Malaysia dengan ketara memandangkan kepelbagaian struktur ekonomi serta disokong oleh asas ekonomi yang mapan, kekukuhan daya tahan dan peningkatan daya saing. Di samping itu, pengurusan makroekonomi negara yang cekap dan pengamalan prinsip kewangan Kerajaan yang berhemat telah memastikan ekonomi negara terus berkembang dan kesejahteraan rakyat terbela, meskipun negara hilang pendapatan akibat kejatuhan harga minyak.

2. Keupayaan negara dalam menangani cabaran tersebut jelas ditunjukkan oleh prestasi ekonomi negara terkini. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar terus mencatat pertumbuhan sebanyak 4.1% dalam tempoh separuh pertama 2016. Pertumbuhan yang menggalakkan ini disokong oleh ekonomi domestik yang berkembang 5%, terutamanya peningkatan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta dari sudut permintaan meskipun eksport meningkat perlahan sebanyak 0.2%. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan terus menjadi peneraju pertumbuhan pada kadar 5.4% dan begitu juga sektor pembuatan 4.3%.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dan memastikan kemapanan kedudukan kewangan negara, pada awal tahun 2016 Kerajaan telah mengambil langkah pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari. Inisiatif tersebut bertujuan:

- memastikan pertumbuhan ekonomi terus mapan dipacu oleh sektor swasta;
- mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap langkah konsolidasi fiskal dengan meningkatkan hasil, mengoptimumkan perbelanjaan dan memberi keutamaan kepada perbelanjaan pembangunan; dan
- memberi tumpuan kepada ekonomi berpaksikan rakyat.

5. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan turut akan mengumumkan anggaran hasil terkini berkaitan petroleum bagi tahun 2016 dalam ucapan Bajet 2017 pada 21 Oktober, dengan mengambil kira andaian makroekonomi semasa. Langkah Kerajaan untuk meningkatkan hasil dan mengoptimum perbelanjaan dijangka membantu mengukuhkan kedudukan fiskal. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sejak 2015, pengurangan ketirisan cukai di pulau bebas cukai, mengoptimum hasil daripada pengagihan dan proses bidaan spektrum telekomunikasi, pelonggaran penalti cukai pendapatan dan peningkatan levi ke atas pekerja asing

dijangka dapat mempelbagaikan sumber hasil.

6. Langkah mengoptimum perbelanjaan kementerian dan agensi kerajaan akan diteruskan dengan menekankan pengurangan kepada perbelanjaan tidak kritikal tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam. Inisiatif yang dilaksanakan ini akan terus mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Selain melaksanakan inisiatif di bawah pengubahsuaian Bajet 2016, Kerajaan sedang merangka langkah-langkah proaktif dalam Bajet 2017. Di samping memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin, Bajet 2017 juga akan menggariskan inisiatif bagi memantapkan lagi asas ekonomi, daya saing dan kemapanan ekonomi negara. Melalui pelbagai inisiatif ini, Kerajaan yakin pertumbuhan KDNK bagi tahun 2016 dijangka terus kukuh dan akan mencapai sasaran antara 4% hingga 4.5% dengan prospek pertumbuhan ekonomi negara yang lebih baik bagi tahun 2017.